'Perangi kemiskinan, kemunduran, kejahilan'

UM- 17/2/2007

KUALA LUMPUR 16 Feb. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini mengingatkan umat Islam tentang tiga musuh paling utama yang perlu diperangi habis-habisan iaitu kemiskinan, kemunduran dan kejahilan.

Beliau berkata, ini kerana tiga elemen tersebut telah terbukti menyebabkan kebanyakan dunia Islam masa kini terkebelakang berbanding dunia Barat.

Sehubungan itu, beliau yang juga merupakan Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, satu gerakan besar-besaran sedang dijalankan oleh pertubuhan itu bagi membolehkan umat Islam seluruh dunia keluar dari tiga masalah tersebut.

"Tumpuan OIC ialah membina ekonomi umat Islam melalui Forum Ekonomi Islam yang kini kian berkembang dan begitu juga dengan usaha kita (OIC) untuk memastikan program memberi pendidikan kepada umat Islam dapat dilaksanakan secara bersama.

"Langkah ini penting kerana apabila kita meninjau masalah kemunduran, kemiskinan dan konflik, ia banyak berlaku di negara-negara Islam di seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Dewan Amal Islami (Damai) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Hadir sama Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin, Pengerusi Damai, Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Antara tujuan penubuhan Damai ialah menjayakan hasrat, memantapkan kerjasama dan aktiviti badan atau pertubuhan amal Islam sebagai salah satu wadah serta fikrah untuk membangunkan umat Islam di negara ini.

Dalam perkembangan sama, Perdana Menteri yakin dengan kerjasama serta komitmen yang diberikan oleh anggota OIC, masalah tersebut dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

"Kami sedar dan tidak pernah leka apa yang berlaku dan kami sentiasa memikirkan cara mana yang terbaik untuk memberi kebaikan kepada umat Islam," katanya.

Sementara itu, beliau mengakui dalam tempoh 50 tahun negara ini merdeka, kejayaan umat Islam kian terserlah dari setahun ke setahun.

Justeru, beliau mahu kejayaan itu dikekalkan kerana ia membuatkan imej Malaysia sentiasa dipandang tinggi di kalangan negara-negara Islam.

ABDULLAH Ahmad Badawi meletakkan pedang pada plak sebagai tanda pelancaran penubuhan Dewan Amal Islami (Damai) sambil diperhatikan oleh Zainuddin Maidin (tengah) dan Ahmad Zahid Hamidi (kiri) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, malam tadi.

"Umat Islam di Malaysia sekarang berada di atas pelantar yang tinggi berbanding ketika 10 tahun negara kita merdeka, kita mahu kejayaan kita ini kekal dan sebaik-baiknya ia perlu ditingkatkan lagi," katanya.

Berhubung amalan Islam di Malaysia, Abdullah berkata, kerajaan akan mengekalkan pendekatan Islam yang sederhana kerana melalui cara itu hubungan antara umat Islam dan bukan Islam di negara ini terus terpelihara.

"Walaupun banyak konflik berlaku di negara-negara Islam, Malaysia berjaya mengekalkan keharmonian kaum sejak 50 tahun lalu dan Alhamdulillah melalui pendekatan ini, rakyat berbilang kaum dapat hidup dengan harmoni dan tenteram," katanya.